

20/10/1999

Kabinet bincang isu agama dalam KPT

Minarni Mat Saad

PELABUHAN BARAT, Selasa - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan mengemukakan isu mengenai bantahan beberapa pihak terhadap langkah kerajaan memasukkan agama seseorang dalam Kad Pengenalan Bermutu Tinggi (KPT) dalam mesyuarat jemaah Menteri, esok.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, banyak pihak tidak berpuas hati dengan keputusan kerajaan memasukkan agama dalam KPT atas alasan wujud diskriminasi dan mereka terus memberi pandangan serta komen membantah langkah kerajaan dengan mengulangi isu yang sama.

"Saya sedang memerhatikan keadaan ini dan mendapat laporan dari banyak sumber yang menyatakan terdapat pihak menyuarakan perasaan tidak puas hati dengan langkah memasukkan agama dalam kad pengenalan.

"Nampaknya pihak ini mahu mempercayai seolah-olah ada diskriminasi jika agama dimasukkan, sedangkan kita tidak berniat hendak mengenakan diskriminasi," katanya selepas majlis perasmian kilang baja Kemira-Kuok Fertilizers Sdn Bhd di Westport, Pulau Indah, di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Pengerusi Kemira-Kuok, Teo Joo Kim.

Abdullah berkata, beliau akan memaklumkan perkara itu kepada jemaah Menteri kerana keputusan memasukkan agama dalam kad pengenalan itu dibuat oleh Kabinet sendiri.

Beliau berkata, Kabinet membuat keputusan memasukkan perkataan agama seseorang sebagai ciri baru dalam KPT selepas mengambil kira pandangan semua pihak.

Ciri baru KPT itu diperkenalkan sejak 1 September lalu dan mulai tarikh itu semua permohonan kad pengenalan termasuk menggantikan yang rosak dan hilang akan mempunyai maklumat agama.

Bagaimanapun, orang ramai tidak diwajibkan menukar KPT sedia ada bagi memasukkan maklumat itu. Sehingga kini Jabatan Pendaftaran Negara memproses kira-kira 100,000 permohonan baru.

Antara pihak yang meminta kerajaan mengkaji semula langkah memasukkan agama dalam KPT itu ialah Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (JIM) dan Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh yang berpendapat maklumat agama dalam kad pengenalan akan menjurus kepada diskriminasi dan pilih kasih.

Terdahulu, ketika diminta pandangan mengenai penubuhan Tabung Kewangan Asia Timur (EMF) yang disyorkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Abdullah berkata, beliau berharap pandangan Dr Mahathir dapat diberi perhatian dan pertimbangan.

Abdullah berkata, syor yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu tidak boleh diketepikan begitu saja kerana ia dilahirkan oleh seseorang yang berpengalaman luas.

(END)